

Aktiviti Lakonan Murid bagi Pemupukan Nilai Murni dan Perpaduan Kaum: Analisis di Pekan, Pahang

*Acting Activities among Pupils in
Inculcating Good Values and Ethnic Integrity:
An Analysis in Pekan, Pahang*

Faizah Jalal & Ani Omar

*Faculty of Language and Communications,
Department of Malay Language and Literature,
Sultan Idris Education University, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.
Email: faizahjalal01@gmail.com*

Abstrak

Berlakon ialah salah satu teknik pengajaran yang digunakan dalam pembelajaran dan pengajaran (P&P). Aktiviti lakonan menjadi lebih menarik apabila murid-murid dapat berinteraksi dan berkomunikasi. Di samping menguji kemahiran berbahasa, murid juga berpeluang melihat aksi rakan-rakan ketika berlakon. Selain menyeronokkan, murid-murid juga lebih berkeyakinan ketika berhadapan dengan khalayak. Banyak faedah dan kebaikan yang diperolehi apabila murid terlibat dalam aktiviti tersebut. Lakonan dapat memberi hiburan dan memupuk nilai-nilai murni seperti bertanggungjawab, berdisiplin, berani, sabar dan prihatin dengan persekitaran. Justeru itu, peranan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKM) dahulunya Kementerian Penerangan Malaysia amat penting bagi menggalakkan pertumbuhan minat dan bakat berlakon murid berkembang secara terancang. Perkara ini sejajar dengan kegiatan kokurikulum di sekolah yang bertujuan memupuk semangat perpaduan antara kaum dalam kalangan murid Melayu, Cina, India dan juga pelbagai bangsa asing di Malaysia. Antara objektifnya untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan serta berakhlak mulia. Di samping bertanggungjawab mencapai kesejahteraan diri, murid juga dapat memberi sumbangan kreativiti kepada masyarakat serta memperkaya bahan kesusasteraan negara. Namun begitu, matlamat ini tidak akan dapat dicapai jika murid tidak memberi kerjasama kerana murid perlu mencipta skrip berdasarkan prinsip Rukun Negara yang menjadi asas dalam memupuk nilai-nilai murni dan perpaduan kaum. Kajian ini menggunakan pendekatan SWOT yang menilai Strength (kekuatan), Weakness (kelemahan), Opportunity (Peluang) dan Treat (Ancaman). Kajian ini diasaskan kepada pemerhatian penulis dalam dua pertandingan lakonan anjuran KPM yang diwakili oleh Jabatan Pendidikan Daerah (PPD) dan anjuran KKM yang diwakili oleh Jabatan Penerangan Negeri (JPN), di daerah Pekan, Pahang. PPD menggunakan istilah "Teater Komsas" manakala JPN menggunakan istilah "Sketsa

Rukun Negara Kelab 1 Malaysia". Dapatan kajian ialah lakonan dapat melahirkan kecenderungan, minat serta bakat murid dalam membentuk kemajuan negara.

Kata kunci *Lakonan, sekolah, nilai murni, perpaduan*

Abstract

Acting is a technique used in the teaching and learning sessions. Acting activity becomes more interesting when students get to interact and communicate with one another. Besides testing students' language skill, they also get the chance to see their friends in action. Besides being a fun activity, students gain confidence when they face the crowd. There are many benefits and advantages students can get when they are involved in this activity. Acting can entertain as well as instil good values such as being responsible, disciplined, courageous, patience and caring to the environment. Therefore the role of the Ministry of Education as well as the Ministry of Communication and Multimedia (formerly known as Ministry of Information and Culture) is pivotal in encouraging planned growth of interest and enthusiasm in drama acting. This fits well to the idea of implementing co-curricular activities in schools in order to inculcate the feeling of unity among students of different races such as Malays, Chinese, Indians and other ethnic groups in Malaysia. One of the objectives of is to produce Malaysian citizens who are knowledgeable and possess good moral values. Asides from attaining personal success, the students can also make creative contribution to the community as well as enriching the nation's creative resources. Nevertheless, these aims cannot be achieved if students do not cooperate because they need to produce scripts based on the Rukun Negara which is the foundation of good moral and racial integrity inculcation. The writer uses the SWOT which analyzes the Strengths, Weaknesses, Opportunities and Threats. This study is based the writer's observations on two activities organized by the Ministry of Education under the supervision of the State Education Department and the KKMM, represented by the State Information Department, Pekan, Pahang. In these competitions, the PPD used the term "Teater Komsas" whereas JPN used the term "Sketsa Rukun Negara Kelab 1 Malaysia. The result showed acting can produce students' enthusiasm and cultivate their interests which shape the country's progress.

Keywords *Acting, schools, good values, integrity*

Pengenalan

Teater Komsas mula diperkenalkan dalam kalangan murid sekolah menengah di seluruh negara pada tahun 2007. Pertandingan tersebut dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Badan Pencegah Rasuah (BPR) dan Pahang menjadi tuan rumah. Menteri Pelajaran Malaysia pada masa itu, Dato' Seri Hishammudin Tun Hussein menyatakan harapan pihak KPM adalah untuk melahirkan murid yang bukan sahaja cemerlang dari segi pencapaian akademik malah dalam apa jua lapangan yang diceburi. Pencapaian cemerlang yang seimbang dalam bidang kurikulum dan kokurikulum ini sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu melahirkan generasi yang seimbang dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelek. Menerusi teater, murid dapat menjiwai dan menghayati watak-watak di samping menjana keempat-empat aspek yang diperlukan. Seterusnya dipamerkan melalui lakonan di atas pentas.

Sebelum teater Komsas dilaksanakan, murid-murid telah didedahkan dengan aktiviti teater atau drama dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan juga mata pelajaran lain. Namun keberkesanannya dalam aspek penghayatan tidak membanggakan. Hal ini demikian kerana pengajaran dan pembelajaran menjurus kepada aspek *input* bahasa semata-mata. Aspek nilai estetik, keindahan bahasa dan sosio budaya yang tergarap dalam karya tidak diberikan tumpuan. Teater Komsas yang diperkenalkan setiap tahun adalah untuk menerapkan nilai-nilai ilmiah dan membantu murid dalam bidang akademik khususnya dalam Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Menurut Atan Long (Koh, 1994) sastera diperkenalkan kepada murid sebagai bahan hiburan dan bahan pengajaran untuk mengenal diri dan masyarakat sesuatu bangsa. Bahan sastera yang dipilih adalah daripada karya sastera yang bermutu di samping ciri-cirinya yang menghiburkan. Selain itu, semua bahan dalam *Antologi Teks Komponen Sastera* (Komsas) telah melalui proses pemerakuan di peringkat Kementerian Pendidikan demi menjaga kualiti antologi berkenaan.

Pada tahun 2012, Sketsa Rukun Negara telah diadakan bagi merealisasikan gagasan 1 Malaysia. Matlamatnya adalah untuk menjadikan rakyat Malaysia cinta akan negara dan mencapai negara maju menjelang tahun 2020. Misi untuk menjadikan Kelab Rukun Negara 1 Malaysia mampu ditubuhkan di sekolah-sekolah bakal terlaksana melalui pelbagai aktiviti yang dirancang. Di samping itu, usaha untuk menerapkan nilai-nilai aspirasi negara melalui pendekatan komunikasi yang strategik juga dapat dilakukan. Kenyataan ini merujuk kepada hasrat negara untuk membentuk generasi 1 Malaysia yang sering diterjemahkan dalam pelbagai aktiviti dan kegiatan kokurikulum. Sebagai contoh, melalui kegiatan yang dianjurkan oleh badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan seperti syarahan, perbahasan, forum, kuiz, puisi dan lagu, mendeklamasi sajak, teater, perkhemahan, kawad kaki dan sebagainya.

Dalam hal ini, penyertaan pelbagai kaum amat digalakkan bagi mewujudkan perpaduan antara kaum dan keharmonian negara. Sekali gus menerima saluran komunikasi bagi membentuk pembangunan minda murid melalui konsep Enam Setia (6S) iaitu Setia Murni, Setia Diri, Setia Keluarga, Setia Sekolah, Setia Bangsa, dan Setia Negara. Konsep Enam Setia ini ialah pecahan kepada nilai-nilai murni yang menjadi induk dalam mewujudkan perpaduan kaum. Konsep tersebut digunakan oleh pihak KKMM sebagai aktiviti pengukuhan kepada prinsip Rukun Negara khususnya, dalam melaksanakan pelbagai aktiviti yang dianjurkan. Sebagai contohnya konsep Setia Murni merujuk kepada nilai-nilai murni seperti bertanggungjawab, jujur, amanah, ikhlas, berdedikasi, berdisiplin berkerjasama, berbudi mulia dan bersyukur. Dalam hal ini, Setia Murni dapat membantu murid menjadi pemimpin pada masa hadapan. Nilai-nilai murni tersebut ialah perkara asas yang perlu disemai dan diterapkan dalam diri murid bagi membentuk ciri-ciri kepimpinan. Tambahan pula, konsep Setia Diri dapat meningkatkan motivasi murid. Murid perlu mencapai kejayaan cemerlang dari segi emosi, jasmani, rohani dan intelektual. Untuk mencapai hasrat ini, murid perlu berusaha dan bersungguh-sungguh mencapai kejayaan. Di samping itu, perasaan sayang dan cinta kepada keluarga perlu dipupuk. Keluarga merupakan masyarakat kecil dalam sesuatu komuniti. Murid perlu setia kepada keluarga terlebih dahulu sebelum melangkah ke skala yang lebih besar. Justeru, sahsiah murid

diperkukuhkan lagi dengan konsep keempat iaitu Setia Sekolah. Golongan pemimpin serta Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) perlu membentuk sahsiah murid supaya patuh dengan disiplin dan peraturan-peraturan sekolah khususnya bagi meningkatkan kecemerlangan akademik. Seterusnya, murid akan menunjukkan sifat Setia Bangsa. Di sini, semangat patriotik dapat melahirkan generasi ke arah pembinaan bangsa Malaysia yang merdeka dan berdaulat. Untuk melahirkan semangat patriotik, usaha murid dalam menunjukkan kesetiaan kepada bangsa hendaklah ditingkatkan melalui pelbagai aktiviti dan pertandingan yang dianjurkan oleh badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan. Misalnya dalam perarakan kemerdekaan, sambutan bulan bahasa, program rakan muda dan sebagainya. Seterusnya, dapat melahirkan kesetiaan kepada negara yang disepadukan ke arah “Satu Bangsa, Satu Negara, Malaysia Tanah Airku”. Rumusnya, konsep Enam Setia (6S) digunakan oleh pihak KKMM sebagai aktiviti pengukuhan khususnya, dalam melaksanakan pelbagai aktiviti yang menggunakan murid sekolah sebagai bahan pengantara. Konsep tersebut digunakan di sekolah-sekolah bagi memudahkan pelaksanaan dan penyampaian tema seperti yang dijelaskan.

Konsep 1 Malaysia pula sering digunakan bagi menggalakkan murid berusaha menjaga nama baik diri, sekolah, masyarakat dan negara. Melalui penyertaan pelbagai kaum, perpaduan antara kaum dapat dibentuk. Oleh sebab itu, semangat Rukun Negara perlu diterapkan di peringkat sekolah bagi melahirkan warganegara yang bersatu padu, bertanggungjawab, berwawasan, bertoleransi, bersikap terbuka, bermoral dan beretika.

Kesimpulannya, pertandingan teater Komsas dan sketsa Rukun Negara 1 Malaysia telah dijadikan medium dan pemangkin kepada cita-cita negara. Sesungguhnya, aktiviti ini bukan sahaja menghiburkan tetapi juga dapat menggalakkan murid berani berkomunikasi di hadapan khalayak. Selain berpotensi melahirkan generasi yang beretika dan berilmu pengetahuan, lakonan juga berjaya menerapkan nilai-nilai murni dan perpaduan kaum dalam kalangan murid. Aktiviti ini patut disuburkan lagi dengan penambahbaikan dari semasa ke semasa dengan menggalakkan lebih ramai murid terlibat dalam lakonan. Seterusnya, meningkatkan semangat jati diri dalam kalangan rakyat Malaysia berbilang kaum.

Istilah dalam Lakonan

Ada pelbagai istilah lakonan digunakan di sekolah, khususnya dalam kalangan murid. Antaranya ialah drama, teater dan sketsa. Istilah-istilah tersebut kadang kala menimbulkan kekeliruan dan salah faham antara murid, guru serta pihak penganjur. Justeru itu, penulis merungkaikan terlebih dahulu bagi setiap istilah agar kefahaman tersebut dapat ditingkatkan.

Definasi drama menurut Mana Sikana (1989) ialah sebuah pertunjukkan atau perlakuan yang disengajakan oleh manusia untuk berhubungan dengan manusia lain. Sementara itu, Rahmah (1994) pula menyatakan drama merupakan satu bentuk seni yang bersifat dramatik iaitu satu seni yang mengutamakan kesan dan tekanan emosi sebagai penambat. Daya tarikan berjaya dilakukan apabila ia mampu memikat emosi pembaca atau penonton. Kenyataan ini menjelaskan bahawa drama memerlukan sekumpulan manusia yang saling berinteraksi antara satu sama lain. Selain itu, pelakon-pelakon drama mestilah mempunyai kepakaran dan kecekapan tertentu untuk melakukan

kegiatan tersebut. Sebagai contohnya, pengarah bertanggungjawab menterjemah dan memberi makna kepada cerita yang hendak diungkapkan oleh penulis. Tambahan pula pengarah perlu meneliti beberapa aspek seperti mendapatkan penghayatan dalam pementasan, aspek pembinaan latar, penggunaan muzik, tatacahaya, kostum, penggunaan pentas dan *props* untuk menghidupkan jalan cerita.

Rahmah menambah, audiens atau masyarakat akan menilai drama dari dua aspek. Pertama ialah skrip. Dalam hal ini, masyarakat dapat menikmati drama sebagai hasil pembacaan seperti novel, cerpen dan puisi. Kedua, masyarakat turut menikmati drama melalui tontonan dengan menyaksikan persembahan-persembahan di pentas-pentas atau melalui siaran televisyen. Maksudnya, drama dirakam dan dilakonan berulang kali bagi mendapatkan sesuatu nilai yang dikehendaki. Lakonan televisyen, umpamanya. Pengarah akan melakukan beberapa kali adegan bagi mendapatkan aksi yang dikehendaki dan mengurangkan kesilapan pelakon ketika beraksi. Secara tidak langsung dua aspek tersebut dapat membantu khalayak memahami cerita dengan lebih mudah.

Drama yang dipentaskan secara langsung dikenali sebagai teater. Menurut Fazilah (2010), persembahan teater disampaikan dalam bahasa yang berlapis. Selain itu mempunyai pelbagai gerakan, objek, simbol, imej dan teknik teaterikal sebagai perantara dalam menyampaikan mesej. Masa persembahan teater juga lebih panjang berbanding drama. Paling minima ialah satu jam. Teater Komsas pula merujuk kepada skrip drama yang terkandung dalam teks komsas tingkatan 1 hingga 5. Dalam hal ini komsas ialah komponen penting dalam mata pelajaran Bahasa Melayu yang melibatkan pelbagai genre seperti puisi tradisional, puisi moden, prosa klasik dan prosa moden seperti cerpen serta drama. Pelajar dapat mengenal pengarang berdasarkan karya seperti Shahnnon Ahmad, Usman Awang, S. Othman Kelantan, Johan Jaafar, Zakaria Ariffin dan sebagainya. Secara tidak langsung, murid-murid dapat memahami, menghayati nilai-nilai murni serta mengetahui unsur pengajaran yang terdapat dalam karya tersebut. Kajian struktural yang melibatkan tema, persoalan, watak perwatakan, plot, latar masa, tempat dan masyarakat, gaya bahasa seperti metafora, personifikasi, simile, hiperbola, inversi, anafora, epifora, aliterasi, asonansi, rima, nilai murni, unsur pengajaran dan sebagainya dapat mengukuhkan kemahiran 3M 1B iaitu membaca, menulis, mendengar dan bertutur. Tuntasnya, teater ialah drama yang dipersembahkan di atas pentas secara berseni dan dipertontonkan di hadapan khalayak secara langsung.

Sketsa menurut Safian (1988), ialah karangan pendek yang ditulis secara mudah dan menunjukkan kesatuan yang terdiri dari satu adegan, satu watak dan satu peristiwa. Karangan pendek ini mempunyai kekurangan dari segi plot dan perwatakan kerana keterbatasan masa jika dipersembahkan. Kebiasaannya, sketsa mengambil masa 10 hingga 15 minit berbanding drama. Walau bagaimanapun fungsinya tetap sama iaitu menyampaikan mesej kepada masyarakat.

Kesimpulannya, drama, teater dan sketsa ialah satu bentuk aktiviti lisan yang melibatkan sekumpulan manusia saling berinteraksi. Mereka berlakon berdasarkan skrip yang kemudiannya akan dibaca, difahami dan diterjemahkan dalam bentuk perlakuan. Aksi-aksi yang dilakonan akan menggambarkan kesenian drama tersebut dan mengukur sejauh mana pelakon dapat menginterpretasi karya, sekali gus mengangkat martabat golongan penulis dalam berkarya.

Objektif

Melalui sketsa Rukun Negara, murid dapat memahami falsafah Rukun Negara dalam memupuk semangat jati diri, cinta akan negara, mengamalkan nilai-nilai murni dan perpaduan kaum. Sebagai contohnya, murid menghormati arahan ketua dan bertanggungjawab dalam menjalankan tugas. Secara tidak langsung, pengalaman murid telah bertambah terutamanya membentuk sifat kejujuran. Pengalaman yang diperoleh adalah salah satu cara pemupukan bakat dan minat murid. Selain itu, murid juga boleh menjana pendapatan melalui seni lakon samada di peringkat daerah, negeri mahupun kebangsaan. Dalam hal ini murid berganding bahu dalam melaksanakan visi dan misi mereka. Pertandingan atau program yang disediakan oleh pihak penganjur dapat menggalakkan lebih ramai murid mengambil bahagian. Secara tidak langsung suasana menjadi lebih meriah kerana penglibatan murid yang berbilang kaum seperti program-program yang dianjurkan oleh ASWARA, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), Istana Budaya dan sebagainya.

Dalam lakonan juga, murid dapat menghayati dan mengenali sesuatu budaya masyarakat. Sebagai contohnya dalam drama *Forum Remaja 2020* (Sharif Shaary), *Cempaka Berdarah* (A.Rahim Abdullah), *Gelanggang Tuk Wali* (Ismail Kassan) dan *Dato' Onn* (Othman Hj Zainuddin) (sekadar menyebut beberapa buah drama). Menurut Tan Sri Dato Haji Alimuddin dalam kata penghantar *Antologi Dirgahayu Bahasaku Tingkatan 5* (Nor Azita, 2010), penerapan dalam karya sastera yang terpilih mampu menjadikan murid seorang insan yang berfikir tentang kebaikan, kebenaran, kehalusan budi pekerti, kesantunan bahasa, kecekalan hati, keindahan seni, dan seterusnya menghargai kehidupan dan nilai-nilai kemanusiaan. Secara tidak langsung, konsep Enam Setia (6S) merangkumi nilai-nilai murni dalam membentuk perpaduan kaum. Benarlah bahawa lakonan dapat melahirkan individu yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sebagaimana dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Selain itu, murid juga dapat mengukuhkan ingatan dalam sesuatu perkara dengan meningkatkan kemahiran bahasa. Dalam aktiviti lakonan, murid dapat berkomunikasi dan meningkatkan kecekapan pemikiran dan pertuturan. Mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sivik sebagai contohnya ialah pelengkap kepada ilmu yang ditimba di bilik darjah. Kemahiran yang dimiliki adalah untuk membentuk warganegara yang berdisiplin dan berilmu pengetahuan. Tanpa penglibatan aktiviti, sudah pastilah perpaduan kaum sukar diwujudkan dan penerapan nilai-nilai murni tidak berjaya diterapkan. Justeru itu, pertandingan sketsa berdasarkan Rukun Negara atau Teater Komsas telah dilaksanakan di peringkat sekolah, negeri dan seterusnya kebangsaan. Dalam pertandingan tersebut, murid-murid dapat diperkukuhkan lagi dengan semangat kenegaraan. Kempen penghayatan Rukun Negara yang dilaksanakan sepanjang tahun dapat memberi garis panduan kepada sekolah untuk bersedia dan merancang program. Dalam Teater Komsas pula, semua sekolah menengah berpeluang untuk menyertainya. Dalam hal ini, usaha KKMM serta KPM dalam menganjurkan pertandingan tersebut ialah satu langkah yang bijak, berani dan menepati hasrat negara dalam mencapai hasrat negara maju menjelang 2020.

Seterusnya usaha ini boleh membentuk bakat kepimpinan dalam kalangan murid. Sebagai contohnya, murid dapat berkerjasama antara satu sama lain untuk

membentuk kumpulan. Tugas yang dipertanggungjawabkan akan melatih murid menjadi warganegara yang berdikari, tabah, sabar, bertoleransi dan berdisiplin. Ketika berlatih, sifat-sifat kepimpinan dapat dipupuk oleh guru. Sebagai contohnya dalam pembentukan jawatankuasa pentas, persediaan prop, persediaan kostum dan sebagainya. Nilai-nilai murni dan perpaduan antara kaum dapat diwujudkan melalui pertemuan dan perbincangan. Dalam hal ini, murid akan menjadi lebih bersefahaman, bertoleransi dan bertanggungjawab dalam pengagihan tugas. Secara tidak langsung, murid belajar mengenal diri sendiri, rakan sebaya dan masyarakat sebelum melangkah ke alam yang lebih mencabar.

Selain itu, murid juga dapat memupuk dan memantapkan nilai-nilai murni dalam norma kehidupan. Melalui aktiviti lakonan, murid disedarkan tentang kepentingan kerohanian yang berlandaskan prinsip-prinsip Rukun Negara iaitu Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang serta Kesopanan dan kesusilaan. Semua prinsip tersebut dapat menyubur dan mempertingkatkan kesedaran murid dalam kehidupan masyarakat majmuk di negara ini. Noorzihan (2006), menegaskan belajar melalui pengalaman dan belajar melalui pemerhatian merupakan suatu kaedah yang dapat mencanai minda dan peribadi seseorang. Murid berpeluang menguasai ilmu dan pelbagai kemahiran untuk merealisasikan sebuah negara yang “Cemerlang, Gemilang dan Terbilang”. Omar (1993) menyatakan gabungan antara ilmu dan sahsiah atau ciri-ciri dalaman insan yang berbudaya akan menjadikan generasi muda bijak dan sempurna. Kehadiran mereka membolehkan pelbagai penyakit sosial ditepis dan dibanteras. Sebagai contohnya keruntuhan akhlak, vandalisme, jenayah juvana dan lain-lain. Jelaslah bahawa, aktiviti budaya dapat mendidik masyarakat menjadi lebih sempurna bermula dari akar umbi sesuatu bangsa. Melalui pendidikan di sekolah, perpaduan antara kaum dapat diselaraskan.

Kesimpulannya, melalui lakonan negara dapat membentuk generasi yang cinta akan keharmonian dan perpaduan kaum. Kedua-dua pihak yang memainkan peranan dalam memenuhi misi ini tidak lain ialah KPM dan KKMM. Mereka telah merancang pelbagai strategi yang berkesan demi melengkapkan kecemerlangan murid untuk menjadi warganegara Malaysia yang cemerlang.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan analisis *SWOT* yang berkembang daripada teori pemasaran yang digunakan secara khusus untuk melihat analisis pesaing dan strategi persaingan pasaran. Selain itu, ia juga digunakan bagi perancangan, pelaksanaan, dan pengawalan program pemasaran (Kotler & Armstrong, 1999). *SWOT* ialah sebuah singkatan dari huruf S iaitu *STRENGTH* atau kekuatan, W ialah *WEAKNESS* atau Kelemahan, O ialah *OPPORTUNITY* atau Peluang dan T ialah *THREAT* atau ancaman seperti yang dipaparkan dalam Rajah 1.



Rajah 1 Analisis *SWOT* (Sumber: Wikipedia, 2014)

Analisis ini dipilih dalam drama kerana ciri-cirinya bertepatan dengan lakonan iaitu kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman.

Kekuatan

Mana Sikana (2012) mengatakan kekuatan drama adalah terletak pada dialognya. Hal ini adalah kerana drama berbeza dengan genre sastera yang lain. Drama mempunyai sistem, bentuk ekspresi dan komunikasi pengkaryaan sendiri. Dialog drama kaya dengan unsur-unsur peribahasa, aforisme (ungkapan), epigramatik (ungkapan yang menyindir) dan disusun dengan gaya stikometrik dan berimbang. Dialog berfungsi untuk mencerna, mengolah dan mengadun semua komponen drama. Selain itu, dapat membantu plot, watak perwatakan dan persoalan cerita berkembang. Seseorang pengarang perlu memahami struktur drama dan menguasai cara-cara penggunaan dialog. Misalnya dalam peristiwa sedih atau malang. Pengarang perlu memikirkan dialog yang sesuai untuk menimbulkan kesan kepada khalayak. Begitu juga dengan drama sejarah. Oleh yang demikian, kekuatan drama menuntut kemahiran dan kepakaran.

Selain itu, kehebatan drama juga terletak dalam kesatuan seperti muzik, tarian, kostum, latar, tatacahaya dan seni persembahan. Mana Sikana (1989) juga menyatakan drama sama juga seperti muzik yang memerlukan latihan dan keharmonian. Drama yang baik datang daripada skrip yang baik, lakonan yang baik, arahan yang baik dan mempunyai unsur dramatik yang baik. Oleh itu, aktiviti lakonan merupakan aktiviti yang memerlukan kekuatan fizikal dan mental. Untuk menyertai pertandingan drama, teater atau sketsa seseorang pengarah perlu menyiapkan diri dalam pembinaan skrip dan mengenalpasti bakat dalam kalangan murid. Mana Sikana (2012) menyatakan;

“satu kegiatan drama memakan masa empat hingga lima bulan, mungkin bertahun jika pementasan itu dilakukan secara besar-besaran. Biarpun ia berat, kerana hati telah jatuh cinta ia akan menjadi mudah.”

Kenyataan di atas merujuk kepada sesebuah sekolah yang ingin menyertai pertandingan. Guru memainkan peranan penting dalam mengenal pasti bakat dan kebolehan murid. Di samping mempunyai ilmu pementasan teater, guru juga haruslah bertanggungjawab menguruskan jadual latihan, membina *props* dan membentuk ahli jawatan kuasa pementasan. Guru perlu kreatif dan bersedia menghadapi pelbagai situasi terutamanya aspek kebolehan dan bakat yang ada pada anak muridnya. Selain itu, murid-murid juga perlu kuat dari segi fizikal dan mental khususnya ketika menjalani latihan. Banyak perkara yang perlu dihadapi ketika berlakon. Sebagai contohnya, dialog perlu dihafal, mempunyai intonansi/nada, ada gerak - geri bahasa badan dan penglibatan rakan. Semuanya memerlukan kerjasama dan saling membantu antara satu sama lain. Untuk mementaskan sebuah drama, murid perlu berani, sabar, berdedikasi dan bertanggungjawab dalam menunaikan amanah yang diberikan. Jika tidak, pementasan akan gagal atau menjadi tidak bermaya, kaku dan lemah.

Selain itu, perbezaan antara drama dengan genre sastera yang lain ialah aspek “apa” dan “bagaimana” hasil yang diperolehi. Drama tidak selesai walaupun penulisan skrip berjaya dihasilkan. Drama perlu dipentaskan dan drama menuntut dua tahap. Tahap pertama ialah penulisan skrip dan tahap kedua ialah pementasannya. Kelainan inilah yang membezakan aspek-aspek penciptaannya dengan genre lain (Mana Sikana, 1989).

Kekuatan drama dari sudut latar juga dapat memberi gambaran yang tersedia di belakang ruang pentas. Prop yang digunakan dapat menerangkan di mana peristiwa dan bilakah kejadian itu berlaku. Mana Sikana (1989) menyatakan antara tujuan utamanya ialah untuk menimbulkan realiti/suasana dan membantu khalayak mengetahui tempat, masa dan situasi peristiwa yang hendak diceritakan. Jelaslah di sini, pementasan drama memberi impak yang besar kepada masyarakat.

Selain itu, kekuatan drama juga adalah berdasarkan skrip. Pengarang perlu mengolah peristiwa bagi mendapatkan gambaran peristiwa sebenar. Untuk mencapai hasrat tersebut, pengarang perlu berkhayal, berfikir, dan menghayati apa jua yang hampir dengan kehidupan masyarakat. Sejarah telah membuktikan, sejak pada zaman Greek lagi drama ialah penipuan alam kehidupan dan gerak tiruan daripada alam. Justeru itu, pengarang perlu menulis skrip yang hampir dengan dunia masyarakat. Mereka perlu diyakini dengan peristiwa yang berlaku dalam kehidupan mereka. Kesimpulannya, drama ialah peristiwa yang menggambarkan sebahagian daripada kehidupan mereka dan drama yang realiti ialah drama yang berjaya.

Kelemahan

Drama mempunyai kelemahan dari aspek pelaksanaan, khususnya dalam pertandingan. Sebagai contohnya, pertandingan drama seringkali dianjurkan dalam masa yang singkat dan tergesa-gesa. Guru dan murid tidak dapat bersedia dengan sepenuhnya. Bukan itu sahaja, ada juga sekolah yang turut dipilih secara “automatik” untuk mewakili peringkat daerah, negeri dan seterusnya kebangsaan berdasarkan prestasi sekolah yang memberangsangkan. Hal ini menimbulkan masalah kepada guru dan murid yang tidak bersedia dalam sesuatu program yang dianjurkan. Selain itu, guru perlu menyiapkan pelbagai tugas lain seperti menyediakan murid untuk peperiksaan, mengajar,

menyediakan buku rekod mengajar, memeriksa hasil kerja murid dan sebagainya. Sikap paksa rela inilah yang menjejaskan mutu dan persembahan drama.

Dalam perspektif berlainan, pertandingan yang diambil secara “tangkap muat” ini juga tidak adil. Sikap demikian tidak adil kepada sekolah lain kerana peluang murid terbatas dan tidak menyeluruh. Oleh yang demikian, berlaku kelemahan disebabkan pemilihan yang tidak telus. Selain itu, sikap pengadil yang kurang telus dalam aspek penghakiman. Sebagai contohnya sikap pengadil yang kurang mahir, pilih kasih, dan kurang teliti dengan kriteria-kriteria pemarkahan yang diberi. Dalam hal ini, semua pihak hendaklah memainkan peranan agar mutu persembahan drama tidak terjejas.

Peluang

Dengan penganjuran pertandingan tersebut, banyak peluang terbuka luas kepada murid-murid sekolah, khususnya apabila mereka tamat persekolahan. Jika sebelum ini mereka terlibat dalam lakonan di peringkat sekolah peluang agak terbatas dan terhad. Akan tetapi peluang untuk melanjutkan pelajaran mungkin terbuka lebih luas. Sebagai contohnya, melanjutkan pelajaran ke Akademi Persembahan Kebudayaan dan Warisan Negara (ASWARA), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Malaysia (UiTM-persembahan) dan sebagainya. Peluang-peluang pekerjaan di bidang teknikal atau pementasan seperti jurutera bunyi, juru teknik lampu, pereka tari, juru solek, pengarah, penerbit dan juru kamera. Bidang animasi turut menjanjikan pendapatan yang lumayan. Sebagai contohnya di TV3, watak *Upin dan Ipin*, *Keluang Man* dan sebagainya sangat yang popular dan turut dipasarkan di Indonesia.

Ancaman

Persembahan drama di sekolah turut mendapat ancaman dan cabaran yang besar. Antaranya cabaran dalam kalangan warga pendidik sendiri, ibu bapa, masyarakat dan juga kurikulum.


Cabaran yang pertama ialah persediaan murid untuk menghadapi peperiksaan. Sebagai contohnya, teater komsas. Kebiasaannya, pertandingan berlangsung dalam bulan April di peringkat daerah, bulan Jun di peringkat negeri dan bulan Julai di peringkat kebangsaan. Tempoh masa yang lama dan saling bertindan dengan pelbagai program di sekolah menyebabkan sebahagian murid yang terlibat dengan lakonan hilang tumpuan dan tidak berminat untuk meneruskan aktiviti. Tambahan pula, sikap ibu bapa dan masyarakat yang sering menjadikan kegiatan kokurikulum tidak menjanjikan masa depan yang cerah.

Selain itu, pengetahuan tentang proses penciptaan dan latar diri pengarang juga memainkan peranan. Tidak dinafikan drama KOMSAS yang bersifat absurd terdapat dalam sukatan pelajaran. Sebagai contohnya drama *Inflakasta* (Hashim Yassin – Tingkatan 2) dan *1400* (Noordin Hassan – Tingkatan 5) agak sukar difahami. Mana Sikana (2012) menyatakan seseorang guru harus menguasai keseluruhan teori, meskipun pendekatan itu amat rumit dan cenderung kepada dasar Barat, namun tidak siapa dapat menolak akan hakikat bimbingan ke arah makna dan erti sebuah teks lebih penting. Oleh itu, guru disaran menggunakan pelbagai kaedah dan pendekatan bagi melahirkan murid yang kreatif dan bijaksana.

Analisis

Kajian ini membuat analisis bagaimana SWOT diaplikasi dalam pemupukan nilai murni dan perpaduan kaum dalam kalangan murid. Nilai murni menurut Talib Samat (2001) ialah unsur-unsur pengajaran yang berperanan mendidik khalayak pembaca dengan menampilkan pelbagai bentuk pelakuan yang berkaitan seperti nilai positif atau negatif untuk dijadikan pegangan dan panduan oleh pembaca. Terdapat 16 nilai murni yang terkandung dalam Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) yang diterapkan dalam mata pelajaran komsas Bahasa Melayu. Nilai-nilai murni itu ialah nilai *baik hati, berdikari, hemah tinggi, hormat-menghormati, kasih sayang, keadilan, kebebasan, keberanian, kebersihan fizikal dan mental, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, kesyukuran, rasional dan semangat bermasyarakat*. Dalam konteks ini *6S* mempunyai persamaan dan perkaitan dengan nilai-nilai murni yang dibincangkan. Sementara itu perpaduan kaum memberi makna yang besar kepada sesebuah negara. Hal yang demikian adalah kerana perpaduan kaum penting untuk mewujudkan keamanan bukan sahaja dalam kalangan kaum yang berlainan agama, bangsa dan kebudayaan malahan antara sesama kaum itu sendiri.

Rajah 2 menunjukkan perkaitan antara aspek *Strength* (kekuatan), *Weakness* (kelemahan), *Opportunity* (peluang) dan *Threat* (ancaman) yang boleh berlaku dalam mewujudkan perpaduan dan penerapan nilai-nilai murni dalam kalangan murid.



Rajah 2 Aplikasi Teori *SWOT* dalam Memupuk Nilai Murni dan Mewujudkan Perpaduan Kaum

Analisis Kekuatan

Kajian ini membuat analisis berdasarkan kekuatan yang dapat dikesan seperti yang dibincangkan di bawah.

Kekuatan dalam Organisasi

Rukun Negara telah diinstitusikan dalam tahun 1970, justeru itu, pertandingan drama merupakan salah satu cara untuk memupuk ideologi kebangsaan yang menjadi

panduan untuk mewujudkan negara yang bersatu padu dan berdaulat. Negara Malaysia mempunyai kekuatan dalam melaksanakan misi ini. Salah satu caranya ialah mengajak rakyat Malaysia menghayati dan mengamalkan Rukun Negara. Sasaran utama kempen ini ialah golongan murid sekolah, remaja dan belia. Secara tidak langsung perpaduan dapat memacu pertumbuhan ekonomi dan menstabilkan politik negara (Suratin dan Norsiah, 2010). Tegasnya, kempen penghayatan Rukun Negara di sekolah ialah teras pendidikan dalam membentuk jati diri murid seperti yang terkandung dalam Prinsip Rukun Negara. Oleh itu, drama telah dijadikan saluran maklumat dalam mencapai hasrat dan cita-cita negara.

Selain itu, peranan KKMM telah melaksanakan pelbagai inisiatif, antaranya ialah dengan menghantar memo (JP/167/PHG/PKPM/06/1/7/JLD12 (8) kepada seluruh JPN bagi memantapkan perpaduan dan nilai-nilai murni dalam kalangan murid. Ibu Pejabat Penerangan Putrajaya telah menetapkan supaya 5 Kelab 1 Malaysia ditubuhkan sebagai KPI negeri Pahang bagi tahun 2013. Ini bermakna sebelum akhir tahun 2013 Kelab 1 Malaysia negeri Pahang akan menjadi 77 buah berbanding 72 buah .

Justeru itu, Kelab Rukun Negara 1 Malaysia ditubuhkan bertujuan untuk melahirkan generasi bersemangat patriotik dan berwawasan dengan memberi tumpuan pada murid-murid di sekolah menengah. Kekuatan yang dimaksudkan di sini ialah kekuatan dan kesepaduan organisasi dalam mencapai hasrat negara. Peranan yang dimainkan oleh pihak KPM, KKMM, jabatan-jabatan, guru-guru, ibu bapa dan murid-murid. Tanpa kesepaduan anggota masyarakat tersebut, hasrat negara tidak akan tercapai.

Kekuatan dalam Disiplin

Kajian yang dijalankan oleh JPN juga menunjukkan masyarakat Malaysia kurang menghayati prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara terutamanya dalam kalangan murid sekolah, pelajar institusi pengajian tinggi di dalam dan atau negara. Mereka ini golongan yang mudah terpengaruh. Dalam hal ini, mereka perlu disedarkan dengan nilai-nilai murni agar konsep 1 Malaysia dapat diterima. Antara cara pemupukannya ialah berdisiplin. Dalam lakonan, disiplin amat penting dalam menentukan kejayaan seseorang, syarikat, pertubuhan atau sebagainya. Justeru itu, apabila KKMM mengadakan Kempen Penghayatan Rukun Negara dalam usaha memupuk semula masyarakat Malaysia agar memahami prinsip-prinsip Rukun Negara sekali gus mengaplikasikan dalam kehidupan seharian ialah langkah yang bijak. Sebagai contohnya, rakyat Malaysia yang mempunyai pelbagai kaum dapat hidup bersama dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain. Untuk mencapai hasrat ini, Jabatan Penerangan Negeri/Daerah telah dipertanggungjawabkan untuk menjalankan Kempen Penghayatan Rukun Negara dengan menganjurkan pelbagai pertandingan dan aktiviti. Dalam erti kata lain, pertandingan drama yang berdasarkan Rukun Negara sebagai teras perpaduan.

Dengan menjadikan murid-murid sekolah sebagai aset negara, perpaduan dan nilai-nilai murni dapat dipupuk. Matlamat ini turut diperincikan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) menerusi teras pembangunan modal insan. Melalui teras ini, sistem pendidikan akan melahirkan masyarakat Malaysia moden, dinamik, bertatasusila lagi tekal peribadinya. Tuntasnya, masyarakat yang bertamadun akan menjadi aset dan modal insan kepada negara.

Selain itu, sikap sebahagian individu yang mementingkan diri sendiri turut membantut pemupukan nilai-nilai murni dan perpaduan. Sebagai contohnya, murid-murid bangsa asing agak terbatas dan kurang melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum. Mereka lebih suka pada sesuatu bidang yang lebih komersial dan menjamin masa depan seperti contohnya dalam perniagaan dan pendidikan. Bidang hiburan (lakonan) seakan dipinggirkan lantaran tidak mempunyai masa depan yang cerah, membuang masa dan tidak penting. Tambahan pula sikap ibu bapa yang enggan membenarkan anak-anak mereka terlibat dalam bidang tersebut. Hal yang demikian boleh mengancam perpaduan kaum dan memupuk nilai-nilai murni.

Analisis Peluang

Seterusnya analisis peluang dilakukan untuk menyingkap kemungkinan yang terdapat dalam isu ini.

Peluang yang Disediakan oleh Negara

Terdapat banyak peluang untuk memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia. Antaranya ialah dengan penubuhan dan pelaksanaan Sekolah Wawasan, Program Rakan Muda, mata pelajaran Sivik dan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN).

Sekolah Wawasan dapat mewujudkan perpaduan dan integrasi nasional dengan menggunakan satu bahasa pengantar yang sama iaitu Bahasa Melayu. Namun begitu murid kaum bukan Melayu masih berhak mempelajari bahasa ibunda masing-masing. Matlamat ini dapat dicapai dengan lebih cepat dan berkesan jika pendidikan di negara ini menggunakan satu sistem berbanding pelbagai aliran ketika ini. Konsep perpaduan dalam negara perlu difahami sebagai satu prinsip Rukun Negara. Oleh itu, perkaitannya dalam lakonan ialah dapat menggalakkan murid pelbagai kaum menyertai aktiviti lakonan. Sehubungan itu, negara dapat menangkis semua gejala yang boleh memecah belahkan rakyat seperti semangat perkauman dan perasaan kedaerahan yang melampau. Kesimpulannya, negara akan maju jika kehidupan rakyatnya sejahtera.

Selain itu, mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan yang telah diperkenalkan di sekolah-sekolah mulai tahun 2005 turut membantu penerapan nilai-nilai murni dan perpaduan dalam kalangan murid. Mata pelajaran ini memberi tumpuan utama kepada isu perpaduan, patriotisme dan pemahaman kepelbagaian budaya masyarakat Malaysia. Untuk mewujudkan perpaduan beberapa objektif telah ditekankan antaranya ialah kepentingan persefahaman dalam pelbagai kaum dan agama, sikap masyarakat yang bersatu padu meliputi agama, tradisi dan budaya masyarakat. Selain itu, kurikulum telah dibahagikan mengikut tema. Di sekolah rendah, ada 6 tema yang digunakan iaitu *ialah Sayangi Diri, Sayangi Keluarga, Hidup Bersama di Sekolah dan Masyarakat, Kenali Budaya Malaysia, Malaysiaku Negeraku dan Sedia Hadapi Cabaran*. Manakala di sekolah menengah juga terdapat 6 tema iaitu *Pencapaian Kendiri, Hidup Kekeluargaan, Hidup Bermasyarakat, Warisan Kepelbagaian Budaya Malaysia, Malaysia Negara Berdaulat dan Cabaran Masa Depan*. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, guru boleh mengadakan aktiviti lakonan dengan menggunakan tema-tema tersebut. Murid akan mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran melalui pertolongan rakan sebaya, ibu bapa dan juga guru.

Proses ini berjaya menerapkan nilai-nilai murni dan perpaduan. Rumusannya, sukatan kurikulum ini membayangkan konsep bangsa Malaysia yang diharapkan bakal wujud pada masa depan. Melalui lakonan, murid-murid dapat melakukan aktiviti dalam pelbagai situasi, budaya dan masyarakat. Oleh itu dalam mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan, murid-murid akan lebih bersifat terbuka termasuklah hal-hal yang berkaitan agama. Secara tidak langsung, penerapan nilai-nilai murni dan perpaduan dapat dilaksanakan.

Ancaman dalam Persekitaran

Untuk memupuk perpaduan dan nilai-nilai murni dalam kalangan murid, faktor persekitaran telah dikenal pasti sebagai punca ancaman lakonan di sekolah. Namun begitu, faktor-faktor tersebut bukanlah penghalang yang utama untuk memupuk nilai-nilai murni dan perpaduan kaum.

Antara faktornya ialah masa, murid perlukan masa yang lebih panjang untuk berlatih dan menghayati sesuatu drama yang menuntut pergorbanan besar. Dalam hal ini, murid tidak dapat mengagihkan masa dalam mengulangkaji pelajaran, menolong ibu bapa dan mengurus diri sendiri. Justeru itu, ibu bapa sering menolak dan enggan membenarkan anak-anak mereka terlibat dalam pementasan terutama jika membabitkan pertandingan yang besar. Ibu bapa tidak mempunyai masa yang banyak untuk mengambil dan menghantar anak ke sekolah. Bagi guru pula, pertandingan tersebut merupakan satu ancaman dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Guru terpaksa berusaha dengan lebih keras untuk mendapatkan kejayaan. Tumpuan untuk persiapan ke peringkat yang lebih tinggi akan dilakukan. Guru juga perlu membentuk kumpulan dan orang-orang yang boleh membantunya. Jika tidak, guru terpaksa berkerja seorang diri. Oleh itu, guru akan tertekan (*stress*) dan kecewa. Tambahan pula, jika ada sikap individu yang mengambil kesempatan untuk kepentingan diri *umpama susu punya sapi, lembu yang dapat nama*.

Aktiviti lakonan juga dapat memupuk nilai-nilai murni dan perpaduan kaum seandainya semua pihak memainkan peranan. Saranan Omar (1993) perlu diambil kira demi mewujudkan perpaduan kaum. Antaranya ialah rakyat Malaysia perlu memilih, menapis serta mencerna segala urusan budaya yang sesuai serta wajar dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan berteraskan kebudayaan rakyat peribumi rantau ini juga dan Islam. Semoga dengan pembentukan kebudayaan kebangsaan, akan lahirlah juga sebuah masyarakat yang progresif, dinamik serta demokratik yang beridentitikan negara Malaysia. Seterusnya rakyat Malaysia dapat menjalani kehidupan sosial dengan aman dan sejahtera.

Kesimpulan

Perkara-perkara berikut dapat dilakukan bagi memantapkan persembahan lakonan di sekolah. Pertama, murid yang dikenal pasti mempunyai bakat lakonan hendaklah diasingkan terlebih dahulu. Hal ini dilakukan demi penjimatan masa dan tenaga pengajar. Setelah itu, mereka diberi penawaran elektif dalam mewakili kelab/persatuan sekolah. Pengkhususan kepada sesuatu bidang adalah lebih baik daripada menyertai

semua bahagian tetapi tidak mendapat apa-apa bak pepatah “yang dikejar tak dapat, yang dikandung berciciran”. Mana Sikana (2012) menjelaskan proses pembelajaran dalam drama mengambil masa yang lama bermula daripada keinginan mementaskan drama, menjalani latihan hinggalah ke peringkat akhir pementasannya. Hal ini menunjukkan bahawa, guru dan murid perlu membuat persediaan awal dan merancang aktiviti dengan sistematik. Pembahagian tugas dalam kalangan murid dan guru juga hendaklah dilakukan agar tidak berlaku pertindihan kerja. Justeru, boleh menggagalkan usaha yang dilakukan sepanjang tahun.

Pihak sekolah juga perlu sensitif dengan kepakaran dan kebolehan yang dimiliki oleh anak buahnya. Tidak semua guru berminat dalam aktiviti lakonan. Jika adapun, terbatas dengan ruang masa, fizikal dan mental. Hal ini merujuk kepada tugas guru yang lebih dominan kepada proses pengajaran dan pembelajaran di kelas. Bilangan Guru yang mempunyai bakat dan kebolehan dalam bidang ini adalah kecil. Oleh itu, pihak sekolah perlulah mencari alternatif untuk menampung kelompangan yang ada. Seandainya, pihak sekolah berminat untuk menyertai pertandingan drama, pihak pentadbir mungkin boleh mendapatkan kerjasama daripada PIBG untuk mencari tenaga pengajar yang bertauliah dan terlatih dalam bidang ini. Misalnya jurulatih bergerak dari taman budaya negeri, Sekolah Seni, ASWARA, Istana Budaya dan sebagainya. Ataupun guru diberi kursus secara efektif bagi meningkatkan kemahiran dalam bidang ini. Hal demikian perlu dilakukan demi mengelakkan pembaziran masa, tenaga dan wang dengan sia-sia. Tegasnya, guru dan murid dapat memfokus kepada sesuatu perkara dan lebih relevan dalam pembentukan kerjaya.

Peranan pihak penganjur yang menganjurkan sesuatu pertandingan juga hendaklah prihatin dan sentiasa memberi kerjasama dalam sesuatu pogram yang dianjurkan. Bantuan dari aspek kewangan, nasihat dan sokongan moral amat membantu dalam melicinkan program yang dijalankan. Sebagai contohnya, Kelab Rukun Negara 1 Malaysia telah memperuntukan RM 500.00 untuk aktiviti di setiap sekolah. Dengan suntikan modal tersebut, guru-guru dapat melakukan sesuatu demi memenuhi hasrat sekolah, daerah dan negeri. Banyak wang dan sumber manusia diperlukan untuk membina *prop*. Selain itu, pendekatan psikologi hendaklah diterapkan dalam kalangan guru dan murid. Bentuk pujian, motivasi dan penghargaan wajar digunakan bagi mengurangkan tekanan atau *stress* ketika beraksi. Selain sijil yang ditawarkan, pihak penganjur juga perlu lebih kreatif dan berwawasan. Sebagai contohnya menempatkan mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Perpaduan kaum dapat dilaksanakan bukan sahaja dalam kalangan murid cemerlang akademik tetapi juga murid cemerlang dalam kemahiran. Peluang harus diberi kepada murid sebagai lonjakan kerjaya masa hadapan. Peranan pihak Kementerian Pendidikan serta pihak-pihak yang berkaitan dalam projek pembangunan infrastruktur hendaklah dilakukan lebih banyak lagi. Sebagai contohnya, dua buah Sekolah Seni di negara kita tidak dapat menampung jumlah pertambahan murid setiap tahun. Sekolah Seni perlu ditubuhkan bagi mengelakkan jurang perbezaan antara kaum di setiap negeri. Secara tidak langsung proses pemupukan bakat lebih menyeluruh dan relevan dengan pertambahan penduduk. Masalah sosial dalam kalangan remaja dapat diatasi dengan wujudnya penerapan nilai-nilai murni dan perpaduan kaum sekali gus mengatasi masalah pengangguran dalam negara.

Sebagai kesimpulan, drama mempunyai keistimewaan yang paling akrab dengan masyarakat iaitu manusia. Mana Sikana, (1988) menjelaskan untuk menempatkan drama di hati audiens adalah suatu yang sukar sama seperti sukarnya seseorang penonton itu untuk menentukan bermutu atau tidaknya sesebuah drama. Hal ini kerana tahap apresiasi, penikmatan, kekaguman dan penghargaan berbeza antara satu sama lain. Namun begitu, penerapan nilai-nilai murni amat penting dalam kalangan murid demi mewujudkan perpaduan kaum di Malaysia bak kata pujangga “lakonan cerminan budaya masyarakat”.

Rujukan

- Fazilah, H. (2010). *Teater Melayu: Teks dan Eksperimentasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Koh, B.B. (1994). *Pengajaran Sastera Dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Kotler, P. & G. Armstrong, (1999). *Principles of Marketing*. USA: Prentice Hall College Division. 720 pp.
- Mana Sikana (1988). *Berkenalan Dengan Drama*. Selangor: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Mana Sikana (1989). *Berkenalan Dengan Drama*. Selangor: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Mana Sikana (2012). *Estetika Dramatika dan Spektakuler Teater*. Bandar Baru Bangi: Pustaka Karya.
- Nor Azita, U. (2010). *Antologi Dirgahayu Bahasaku Tingkatan 5*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noorzihan, M. Y. (2006), *Utusan Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publication, 26/12/2006.
- Omar, M. H. (1993). *Pendidikan: Persoalan, Penyelesaian dan Harapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahmah, B. (1994). *Drama Melayu: Dari Skrip ke Pentas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saffian, H. (1988). *Glosori Istilah Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suratin & Norasiah (2010). *Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan Tingkatan 5*. Selangor: MEP Education Consult Sdn. Bhd.
- Talib, S. (2001). *Kajian Intensif Komponen Wajib Kesusasteraan Melayu dalam Bahasa Melayu*. Selangor: Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.
- Wikipedia (2014). SWOT Analysis. http://en.wikipedia.org/wiki/SWOT_analysis. dilayari 10/7/2014